

BAB

KEEMPAT

BAB KEEMPAT

RUMUSAN DAN PENUTUP

4.1 Rumusan

Setelah dinyatakan semua fakta dan data serta setelah dibuat analisis berkenaan pemilihan pasangan di kalangan masyarakat Islam di daerah Besut, penulis akan merumuskan kembali di dalam bab yang terakhir ini untuk mendapat satu intipati yang jelas.

Apabila penulis meninjau permasalahan pemilihan pasangan ini, ternyata banyak faedah serta perkara penting yang perlu didedahkan kepada umum khususnya masyarakat Islam bahawa ianya merupakan suatu perkara yang amat wajar dititikberatkan. Memandangkan banyak berlaku kejadian atau peristiwa yang melibatkan institusi kekeluargaan, maka penulis turut menjadikan kajian ini suatu cara bagi mencari punca sebenar terhadap masalah yang berlaku. Terbukti daripada kajian ini bahawa masalah yang berlaku mempunyai hubungkait dengan pemilihan pasangan. Dengan itu penulis dapat menyimpulkan keseluruhan kajian sebagaimana berikut:

Pastinya setiap orang mempunyai pilihan sendiri. Biasanya pemilihan itu dibuat berdasarkan citarasa masing-masing dan sudah ternyata ianya berbeza. Tarikan utama lazimnya tertumpu pada aspek fizikal seperti kecantikan rupa paras, penampilan yang menarik, budi pekerti yang baik dan sebagainya. Namun begitu,

dalam kehairahan mencari pasangan terdapat satu kriteria utama dan amat penting yang sering dilupakan iaitu agama.

Semua umat Islam mengakui bahawa ciri agama adalah asas yang paling penting dalam pemilihan pasangan. Bagaimanapun dari sudut pelaksanaan, mereka kurang mengambil perhatian dan seolah-olah mengabaikan asas tersebut. Ini mungkin kerana mereka dipengaruhi atau dikaburi dengan asas lain yang merupakan asas sampingan sahaja seperti asas material iaitu kekayaan, pangkat, keturunan dan sebagainya.

Fenomena pada hari ini juga turut mempengaruhi cara ataupun corak pemilihan pasangan. Perubahan corak pemilihan berlaku disebabkan arus kemajuan yang semakin memuncak dan keperluan hidup yang semakin tinggi dan taraf pendidikan yang semakin maju. Rentetan daripada itu turut mengubah pemikiran seseorang dalam membuat penilaian terhadap bakal pasangannya seperti ingin mencari suami atau isteri yang berpendidikan setaraf, mempunyai kerjaya yang dapat menjamin masa hadapan, dapat menyesuaikan diri mengikut keadaan dan lain-lain lagi.

Jika dahulu ibubapalah yang memainkan peranan bagi mencari pasangan khususnya kepada anak perempuan. Tetapi keadaan sekarang telah berubah dimana anak-anak lebih senang menentukan pasangan hidup mereka mengikut pilihannya sendiri kemudian barulah diberitahu kepada ibubapa untuk mendapat persetujuan dan pandangan.

Golongan ibubapa lebih-lebih lagi ibu lebih suka menentukan jodoh atau pasangan anaknya dengan kaum kerabat atau kenalan mereka yang terdekat bertujuan mengeratkan lagi hubungan persaudaraan. Di samping itu juga mereka ingin mengekalkan pangkat keturunan seperti Tengku, Syed, Raja dan sebagainya.

Masyarakat hari ini khususnya warga tua masih lagi mengamalkan adat "merasi" sebagai kaedah dalam mencari pasangan yang sepadan dengan pertolongan bomoh atau dukun. Terdapat pelbagai cara yang digunakan dan antara cara yang biasa ialah dengan menilik nama berdasarkan huruf jawi. Namun begitu cara ini semakin kurang diamalkan kerana kebanyakan masyarakat Islam sekarang sudah mengetahui amalan tersebut salah di sisi agama.

Pengaruh politik juga turut mempengaruhi masyarakat sekarang dalam menentukan pasangan, dimana pendokong sebuah parti tertentu mestilah mencari pasangan daripada parti yang sama. Penentuan ini biasanya dibuat oleh ibubapa yang kuat mendokong sesebuah parti. Ini kerana mereka menganggap dengan memilih pasangan daripada parti yang sama akan mengeratkan lagi hubungan dan menguatkan persefahaman antara mereka.

Faktor bangsa dan negeri juga turut menjadi ciri asas dalam pemilihan pasangan. Lazimnya pihak ibubapa kurang bersetuju jika anaknya memilih pasangan daripada bangsa atau negeri yang berlainan. Ini mungkin disebabkan mereka sukar untuk bergaul dan berkomunikasi kerana perbezaan budaya dan adat. Begitu juga dengan faktor kenegerian dimana mereka tidak menggalakkan anak-anak mereka mencari pasangan daripada luar (jauh) daripada tempat tinggalnya sehingga

menyukarkan untuk berurusan jika berlaku masalah keluarga seperti sakit, kematian dan lain-lain.

Perbezaan pemilihan juga berlaku di kalangan masyarakat Besut mengikut peringkat usia iaitu golongan remaja, dewasa dan orang tua. Ia timbul disebabkan perbezaan tahap pengetahuan agama serta untuk kepentingan masing-masing. Remaja biasanya lebih mengutamakan faktor luaran seperti kecantikan dan ketampanan. Manakala golongan dewasa pula, mereka lebih mengutamakan faktor dalaman seperti akhlak dan agama. Begitu juga dengan orang tua, mereka bersetujuan dengan golongan dewasa tetapi dalam masa yang sama mereka juga mementingkan faktor lain seperti keturunan dan harta.

Masalah yang berlaku dalam pemilihan pasangan biasanya melibatkan ibubapa dan anak. Pilihan ibubapa mungkin tidak dipersetujui oleh pihak anak dan begitu juga sebaliknya. Selain itu berlaku juga peristiwa dimana seorang lelaki terpicik dengan perempuan yang telah bertunang. Bagi perempuan biasa juga berlaku dimana lelaki yang diminati telah beristeri. Dalam menyelesaikan masalah ini terpuang kepada kebijaksanaan individu tersebut dengan berfikir bagaimana cara sewajarnya yang perlu dibuat serta meminta petunjuk daripada Allah.

Mengikut hukum syara' bapa atau datuk mempunyai kuasa penuh ke atas anak perempuannya. Namun begitu dalam masa yang tertentu, anak perempuan juga berhak ke atas dirinya ketika dia menjadi janda. Dalam masyarakat Islam di Besut dasar ini terus diamalkan dimana dasar tersebut seolah-olah adat dalam kehidupan mereka.

Majlis Agama Islam Terengganu daerah Besut turut berperanan dalam memberikan pendedahan tentang tanggungjawab sebagai seorang suami atau isteri. Pendedahan ini bertujuan memberi kesedaran mengenai kepentingan membina ciri-ciri dalaman sebagai pasangan suami isteri dengan mengadakan kursus perkahwinan pada hari Khamis dan Jumaat setiap bulan.

Ahli-ahli agama juga turut memainkan peranan secara tidak langsung dengan mengadakan kuliah agama di masjid-masjid atau surau-surau. Dalam kuliah yang diadakan mereka tidak menyentuh secara khusus berhubung pemilihan pasangan tetapi perkara yang dinyatakan itu mempunyai hubungkait dengan masalah ini seperti dalam perbincangan ilmu *Fiqh* yang menyentuh tentang pembinaan keluarga.

4.2 Saranan

Bagi memastikan masyarakat Islam mendapat kesedaran tentang kepentingan pemilihan pasangan, maka semua pihak seharusnya memainkan peranan masing-masing. Oleh kerana itu penulis ingin menyuarakan beberapa saranan agar mendapat perhatian di kalangan mereka yang bertanggungjawab.

4.2.1 Peranan ibubapa

a) Ibubapa bertanggungjawab sepenuhnya dalam menentukan kehidupan anak-anak mereka. Bermula dari dalam kandungan sehingga anak-anak membesar, ibubapa bertanggungjawab memberikan pendidikan agama yang sempurna. Dari kecil anak-

anak perlu dilatih dengan akhlak dan adab yang baik supaya dapat membentuk keperibadian yang luhur.

b) Setelah meningkat dewasa adalah menjadi tanggungjawab ibubapa untuk mencarikan jodoh yang sesuai bagi anak-anak mereka. Namun begitu sekiranya anak-anak mahu membuat pilihannya sendiri, ini tidak bermakna ibubapa harus berlepas tangan. Mereka masih bertanggungjawab untuk memberi nasihat dan pandangan mengenai calon isteri atau suami yang sesuai kepada anak-anak mereka.

4.2.2 Peranan ahli agama

a) Ahli-ahli agama seperti para ustaz, imām, bilāl, pendakwah dan sebagainya memainkan peranan yang penting dalam membentuk keluarga khususnya masyarakat Islam. Peranan mereka adalah mendidik masyarakat melalui majlis-majlis ilmu, kuliah-kuliah agama yang disampaikan di masjid-masjid, surau-surau dan lain-lain. Ini kerana mereka menjadi tempat rujukan kepada masyarakat bagi menyelesaikan masalah berkaitan dengan agama.

b) Memandangkan masih terdapat sebilangan umat Islam yang masih keliru dalam membuat pemilihan pasangan maka sewajarnya mereka memberi penjelasan kepada masyarakat mengenai kriteria sebenar pemilihan pasangan menurut Islam melalui kuliah-kuliah agama yang disampaikan.

c) Di samping itu sebagai seorang yang mahir dalam bidang agama, mereka digalakkan supaya mengeluarkan buku-buku dan makalah-makalah yang khusus memberi penerangan dan penjelasan tentang kepentingan mencari atau memilih pasangan yang mempunyai ciri-ciri tertentu sebagaimana yang dinyatakan oleh Islam. Penjelasan ini penting supaya pemuda dan pemudi Islam dapat membuat pilihan yang terbaik bagi membentuk sebuah keluarga yang sempurna dan bahagia.

4.2.3 Peranan Pertubuhan Islam

a) Pertubuhan-pertubuhan Islam juga mestilah memainkan peranan yang besar dalam menangani masalah yang melanda masyarakat Islam khususnya dalam soal asas pembinaan rumahtangga. Mereka seharusnya membuat suatu inisiatif baru dengan menubuhkan kelab mencari jodoh atau di kanali dengan '*bait al muslim*'. Ini bertujuan agar masyarakat Islam hari ini mudah untuk mencari pasangan yang sesuai sebagaimana yang dinyatakan oleh syara'.

b) Selain itu pertubuhan ini juga perlu memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan memilih pasangan melalui aktiviti-aktiviti persatuan atau pertubuhan seperti mengadakan kursus satu bengkel, seminar, forum dan sebagainya yang membincangkan masalah dan cara penyelesaian bagi memilih pasangan yang terbaik.

4.2.4 Peranan Masyarakat

a) Berhubung dengan masalah pemilihan pasangan ini, masyarakat disarankan supaya sama-sama berusaha ke arah mempertingkatkan kefahaman dan kesedaran agama di samping membantu mereka yang bermasalah dalam hal ini dengan cuba memberi pertolongan sekadar yang termampu.

b) Masyarakat juga digalakkan supaya turut mencari jodoh yang baik dan memberi nasihat kepada kenalan atau jiran yang mereka kenali yang ingin mendirikan rumahtangga. Sikap tidak mahu menjaga tepi kain orang perlu dikikis kerana Islam tidak pernah mengajar umatnya berkelakuan begitu. Sebaliknya Islam menyarankan kepada umatnya agar sentiasa bantu membantu serta saling nasihat menasihati dan membuat teguran jika terdapat kesalahan yang dilakukan di antara mereka.

4.2.5 Peranan Kerajaan

a) Umum mengetahui kerajaan mempunyai kuasa dan tanggungjawab dalam pentadbiran sesebuah negara dan masyarakat. Justeru kerajaan hendaklah mengarahkan jabatan-jabatan tertentu seperti jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan Majlis Agama Islam Negeri supaya mengadakan forum, seminar, mengedarkan risalah dan sebagainya bagi membincangkan isu tersebut.

b) Selain itu dengan menggunakan kuasa yang ada padanya, kerajaan hendaklah menyarankan kepada media massa dan elektronik supaya mengadakan segmen atau

ruangan khusus yang membicarakan hal yang berkaitan dengan asas-asas pembinaan rumahtangga menurut Islam. Misalnya dengan menyiarkan satu segmen khusus dengan menjemput tokoh-tokoh tertentu dan membicarakan isu tersebut pada masa-masa tertentu bagi tatapan umum. Antara lain dengan mengadakan kolum khusus di dalam akhbar dan majalah yang diterbitkan yang khusus membicarakan masalah berkenaan.

4.3 Penutup

Umat Islam mestilah menyedari tentang kepentingan membuat pemilihan berdasarkan ciri-ciri yang digariskan oleh Islam. Sesungguhnya setiap tuntutan Islam itu bertujuan menjamin kesejahteraan umatnya di dunia dan akhirat. Oleh itu dalam soal pemilihan pasangan, Islam telah menuntut agar membuat pemilihan berdasarkan empat kriteria yang utama seperti yang dinyatakan di dalam hadith iaitu agama, kecantikan, harta dan keturunan.

Empat ciri yang dinyatakan di atas merupakan ciri-ciri penting yang biasanya menjadi nilai utama setiap orang. Agama merupakan ciri asas kepada pemilihan pasangan. Ini kerana seseorang yang beragama sudah tentu mengetahui setiap tanggungjawab yang dipikulnya. Dengan itu sebagai orang yang bertanggungjawab samada sebagai seorang suami atau isteri, ibu atau bapa, mereka akan dapat memberi tunjuk ajar dan memimpin keluarganya ke arah jalan yang diredhai,

Kecantikan dan harta adalah ciri lahiriah yang berbentuk sementara. Islam tidak menggalakkan umatnya memilih pasangan berdasarkan kecantikan semata-mata kerana kecantikan manusia biasanya tidak berkekalan, ia akan pudar dimamah usia. Manakala harta pula tidak semestinya menjamin kebahagiaan rumahtangga. Harta yang banyak tidak bererti jika hubungan suami dan isteri sentiasa hambar dan anak-anak ketandusan kasih sayang. Walaupun tidak dinafikan harta penting dalam kehidupan manusia tetapi jika ia tidak digunakan dengan sewajarnya ia boleh melalaikan dan meruntuhkan rumahtangga.

Dalam pada itu Islam menekankan agar memilih pasangan dari keturunan yang baik kerana ia akan mewarisi bakal generasi pasangan. Maksud keturunan yang baik adalah keturunan yang kuat berpegang kepada agama, berakhlak mulia dan bebas daripada penyakit keturunan atau genetik seperti gila, bebal (bodoh) dan sebagainya. Adalah penting untuk memilih keturunan yang tidak mempunyai penyakit seperti itu bagi mengelak daripada diwarisi kepada bakal zuriat atau generasi yang akan datang.

Setiap saranan atau perintah yang dinyatakan oleh Allah s.w.t dan RasulNya pasti mempunyai hikmat dan sebab-sebab tertentu. Kesemuanya bertujuan untuk memberikan kebaikan kepada setiap hambaNya. Misalnya dalam masalah pemilihan pasangan, jika diteliti dan diperhatikan kepada ciri-ciri pemilihan yang disarankan oleh Rasūlullah ṣ.a.w ternyata ia bertujuan memberikan kebaikan kepada setiap pasangan. Kebaikan yang dimaksudkan merangkumi semua aspek kehidupan, termasuk hubungannya dengan suami atau isteri, kaum keluarga, masyarakat dan sebagainya.

Jelas di sini Islam menegaskan kepada umatnya supaya membuat pemilihan dengan meneliti ciri-ciri dan sifat-sifat yang ada pada diri pasangannya supaya mereka dapat meramalkan kesesuaian dan keserasian di antara mereka. Langkah ini penting bagi memupuk persefahaman dan menjalin hubungan yang harmoni di antara pasangan serta bagi membentuk rumahtangga yang bahagia.

Justeru itu umat Islam khususnya perlu menjadikan ciri-ciri yang disarankan oleh agama sebagai asas dan panduan dalam memilih pasangan hidupnya. Mereka tidak digalakkan memilih pasangan mengikut citarasa serta memenuhi impian semata-mata tanpa memikirkan masa hadapan dalam membina kehidupan sebagai pasangan suami isteri. Ini disebabkan perkahwinan diibaratkan perjudian. Berjaya atau gagal sesebuah rumahtangga itu bergantung kepada pasangan itu sendiri, di mana keduanya mestilah mengetahui tanggungjawab masing-masing sebagai suami atau isteri.

Sebagai penutup penulis mengharapkan agar umat Islam menyedari tentang hakikat kepentingan pemilihan pasangan bagi memastikan agar institusi kekeluargaan umat Islam sentiasa dilimpahi kebahagiaan dan rahmat ilahi. Seterusnya sama-sama berusaha mempertingkatkan keimanan dan meneguhkan keagungan Islam dengan memperbetulkan nekad dan keyakinan serta mencari tapak atau asas yang teguh dalam pembinaan rumahtangga. Semoga segala perkara yang dilakukan akan mendapat keredhaan dan keberkatan daripada Allah s.w.t.